

BERITA HARIAN- 17 .08.1999.

UMS tubuh unit pemuliharaan ekosistem hutan

KOTA KINABALU, Isnin - Penubuhan Unit Biologi Tropika dan Pemuliharaan (UBTP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya menimbulkan kesedaran masyarakat mengenai pentingnya pemuliharaan ekosistem hutan hujan tropika yang kaya dengan kepelbagaian sumber alam semula jadi.

Ketua unit berkenaan, Prof Madya Dr Maryati Mohamed, berkata walaupun penubuhan UBTP masih di peringkat muda tetapi ia berjaya membuktikan kemampuannya sebagai sebuah pusat kecemerlangan yang mampu berkembang maju seiring dengan pembangunan sosioekonomi masa kini.

Katanya, UBTP kini menjadi pusat penyelidikan, rujukan dan pangkalan data dalam pemuliharaan ekosistem dengan memberi penekanan kepada bentuk kajian secara keseluruhan bagi memberi faedah kepada masyarakat umum.

"Selain itu, UBTP juga memainkan peranan penting sebagai tempat menjana tenaga mahir dan terlatih dalam bidang biologi dan pemuliharaan persekitaran tropika bagi mencapai tahap kecemerlangan menerusi tiga bahagian utama iaitu Penyelidikan dan Pembangunan, Pusat kepelbagaian Biologi (Berneensis) dan Jaringan Maklumat," katanya semalam.

Dr Maryati berkata, segala usaha yang dijalankan UBTP sentiasa menggunakan pendekatan kemanusiaan dengan mengaitkan hasil kajian khususnya untuk menyelesaikan masalah, menjawab kemuskilan dan memperbaiki taraf hidup manusia.

Beliau berkata, seharusnya rakyat Sabah berbangga kerana dianugerahkan bumi yang penuh dengan pelbagai jenis flora dan fauna terutamanya keunikannya spesies endemik.



PROF DR MARYATI
...mampu berkembang

"Namun semua khazanah alam itu akan pupus sekiranya masyarakat tidak mempunyai kesedaran untuk menjaga dan memelihara semua sumber alam berkenaan," katanya.

Menyedari akan kepentingan itu, katanya maka wajarlah UBTP mewujudkan Borneensis sebagai sebuah sumber rujukan hidupan bagi mendidik generasi muda untuk turut sama mengekalkan warisan khazanah berharga itu.

Bahagian ketiga yang dijalankan oleh UBTP iaitu jaringan maklumat, Dr Maryati berkata bahagian itu berfungsi sebagai titian ilmu di antara pusat pengajian dengan masyarakat umum yang menerbitkan segala data dalam pelbagai bentuk termasuklah buku, mini siri alam sekitar, surat berita, jurnal dan sebagainya untuk pengetahuan umum.

Bagi memastikan UBTP berjaya mencapai sasarannya, pelbagai aktiviti telah dijalankan misalnya seminar bermotifkan pemuliharaan alam sekitar, ceramah dan kempen dengan hasrat dapat mengubah cara hidup dan sikap umum terhadap alam sekitar.